

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 4 TAHUN 2020**

Tarikh : 20 Mei 2020 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya /
Kediaman Masing-Masing

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil.4/2020.

Mesyuarat pada hari ini juga dilaksanakan secara *dual mode* dimana Puan Yang Dipertua, Tuan Setiusaha Perbandaran dan seramai tujuh orang Ahli Majlis serta Urus Setia Mesyuarat sahaja hadir ke Bilik Mesyuarat Kenanga, manakala Ahli Majlis yang lain dan Ketua-ketua Jabatan bermesyuarat secara dalam talian (*online*) dan berada di kediaman masing-masing. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Tayangan gambar-gambar pelaksanaan program/aktiviti yang telah berlangsung sepanjang bulan Mei 2020.
- ii) Pemakluman pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan serta berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan. Sehubungan dengan itu, Ahli Mesyuarat diminta untuk mengisi dan menandatangani borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat, Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya yang dilampirkan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung dan memastikan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi berada dalam mod senyap.

- iv) YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai (PKPBD) bermula 4 Mei sehingga 9 Jun 2020 bagi membolehkan sebahagian sektor ekonomi dan sosial dibuka semula. Bermula dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai (PKPBD) MPSJ telah membuat hebahan informasi seperti berikut:
- a) Sebanyak 42 notis dan pemakluman/informasi telah dikeluarkan oleh Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik bagi tujuan makluman, hebahan dan informasi kepada komuniti dengan merujuk kepada arahan terkini Kerajaan Negeri dan Pusat.
 - b) Sebanyak 173 hebahan telah dimuat naik melalui platform rasmi sosial media MPSJ. Melalui platform ini, sebanyak 46 perkongsian melalui medium rasmi Kerajaan Negeri dan Persekutuan turut dimuat naik malahan *posting* MPSJ turut dikongsi di medium agensi lain.
 - c) Sebanyak 27 poster telah dikeluarkan dan 7 video program rasmi MPSJ telah dimuat naik melalui platform rasmi sosial media MPSJ.
- v) Sehingga 14 Mei 2020, statistik semasa kes Covid-19 yang dilaporkan adalah seperti berikut :

LOKASI	JUMLAH KES	JUMLAH KEMATIAN
DUNIA	4.5 juta	Lebih 300 ribu
MALAYSIA	6,819	112
SELANGOR	1,613	21
DAERAH PETALING	415	8
PENTADBIRAN MPSJ	95	1

*maklumat daripada Pejabat Kesihatan Daerah Petaling

Masyarakat diminta untuk sentiasa mematuhi arahan yang diberikan oleh Kerajaan dan disaran mengelakkan 3C (*crowded places, confined spaces, close conversation*) dan mengamalkan 3W iaitu *Wash* (kerap basuh tangan/guna *handsanitizer*), *Wear* (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), *Warn* (tidak bersalaman, etika batuk/bersin, disinfeksi, periksa suhu badan). Kejayaan untuk mengurangkan penularan wabak Covid-19 bergantung kepada semua individu.

- vi) Situasi semasa kes demam denggi di kawasan pentadbiran MPSJ ialah sehingga minggu epid 19 (sehingga 9 Mei 2020), terdapat 3095 kes demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Pada minggu epid 19 terdapat 10 lokaliti *hotspot* denggi iaitu di:

- a) TK 5 (Flat Taman Mawar)
- b) Bt 13 Kg. Tengah
- c) Taman Sri Puchong
- d) Taman Damai Utama (Pangsapuri Damai Utama)
- e) Taman Puchong Indah 1
- f) BK 5/9 – 5/18
- g) Bandar Bukit Puchong 2
- h) Taman Puchong Utama 2
- i) Bandar Kinrara 2
- j) Taman Lestari Putera 4

Masyarakat diminta mengamalkan aspek kebersihan dengan mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes di sekitar premis kediaman masing-masing.

- vii) MPSJ mengambil inisiatif memberi peruntukan berjumlah RM10,000.00 bagi Program Bantuan Covid 19 menggunakan Peruntukan Penyelenggaraan dan Program JKP kepada setiap 24 Zon JKP. Jumlah keseluruhan bagi 24 JKP RM240,000.00 disalurkan secara berperingkat bagi tujuan memberi sumbangan barangan keperluan asas dan peralatan disinfeksi kepada golongan yang terjejas iaitu mereka dari golongan B40 dan golongan yang sangat memerlukan di setiap zon masing-masing.

- a) Peringkat pertama pada 6 April 2020 dengan jumlah RM3,000.00
- b) Peringkat Ke 2 pada 23 April 2020 dengan jumlah RM3,000.00
- c) Peringkat Ke 3 pada 13 Mei 2020 dengan jumlah RM4,000.00

Sehingga 13 Mei 2020 seramai 4,710 penerima bantuan di seluruh kawasan MPSJ dengan jumlah kos keseluruhan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM164,634.02.

Sebanyak 19 JKP telah menggunakan peruntukan lebih dari RM5,000.00 hingga ke RM10,000.00 iaitu JKP 1, 3, 4, 5, 7, 8, 9, 12, 13, 14, 15,16, 17,18,19, 20, 22, 23 dan 24 manakala 5 JKP menggunakan peruntukan kurang dari RM4,000.00 iaitu JKP 2, 6, 10, 11, dan 21.

- viii) Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Amal MPSJ kepada kakitangan MPSJ diadakan pada 20 Mei 2020 bertempat di Laman Kenanga pada jam 11.30 pagi.

Seramai 50 orang penerima yang layak menerima sumbangan sebanyak RM 200 setiap orang. Penerima merupakan kakitangan MPSJ yang terdiri daripada pesara, ibu-ibu tunggal serta balu, kakitangan yang menghidap penyakit kronik dan mereka yang mana pendapatan isi rumah terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Peruntukan sumbangan ini diperolehi daripada Projek Tabung Amal RM 1, 1 Jumaat yang mana telah dijayakan oleh kakitangan MPSJ. Jumlah terkumpul setakat ini adalah sebanyak RM 19,535.50.

- ix) MPSJ juga telah bersetuju membantu Klinik Kesihatan Puchong menjahit Personal Protective Equipment (PPE) untuk kegunaan kakitangan klinik dan projek ini telah bermula pada 14 April 2020. Seramai 15 orang sukarelawan untuk projek menjahit PPE yang terdiri dari kakitangan MPSJ dan ahli PKMB (Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar) telah berjaya menjahit sebanyak 2,160 helai PPE. Sumbangan PPE yang dijahit telah diserahkan kepada Klinik Kesihatan Puchong.

Bagi menghargai sumbangan sukarelawan, Jawatankuasa Tabung Amal MPSJ telah bersetuju menyumbang sebanyak RM 100.00 setiap seorang menggunakan peruntukan Tabung Amal MPSJ - Covid 19.

- x) Proses pemulangan wang bayaran permit Bazar Ramadan telah selesai dilaksanakan pada 13 - 15 Mei 2020 bertempat di Dewan Serbaguna MPSJ di Puchong Indah. Peniaga yang gagal hadir diminta membuat tuntutan bayaran di Jabatan Pelesenan MPSJ.
- xi) MPSJ amat menggalakkan pelanggan membuat permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan secara dalam talian (online) bagi

memudahkan pelanggan sekaligus mengelakkan pelanggan hadir ke MPSJ. Terdapat hampir 130 jenis aktiviti perniagaan yang boleh dimohon secara dalam talian.

Pembaharuan lesen adalah semudah ABC.

- A. Aktifkan akaun anda di laman sesawang MPSJ.
- B. Bayar melalui akaun bank online.
- C. Cetak lesen perniagaan anda sendiri.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di laman sesawang MPSJ iaitu www.mpsj.gov.my.

- xii) Sempena cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri yang jatuh dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai, MPSJ akan membuat penutupan pasar awam MPSJ seperti berikut :

BIL	PASAR AWAM	TARIKH TUTUP
1.	Pasar Moden SS15, Subang Jaya	24 dan 25 Mei 2020
2.	Pasar Awam Batu 14, Puchong	
3.	Pasar Awam Seri Serdang, Seri Kembangan	
4.	Pasar Awam Jalan SK 6/1, Seri Kembangan	24 Mei 2020
5.	Pasar Awam Jalan SK 10, Seri Kembangan	

- xiii) Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai, MPSJ tidak membenarkan orang ramai mengunjungi dan menziarahi tanah perkuburan USJ 22 pada Hari Raya Aidilfitri kali ini bagi memastikan usaha untuk memutuskan rantai wabak corona virus (Covid-19) tercapai. Walau bagaimanapun, proses pengebumian jenazah dibenarkan dengan kehadiran tidak melebihi 10 orang waris pada satu masa.
- xiv) Puan Yang Dipertua mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir dan Batin. Sambutan perayaan kali ini di luar kelaziman tanpa aktiviti kunjung-mengunjung serta rumah terbuka. Semua individu perlu bersedia mengamalkan norma baharu termasuklah meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri secara tertutup di rumah masing-masing dan mengelakkan aktiviti kunjung-mengunjung bagi mengekang penularan COVID-19.

Beliau menasihatkan kepada setiap individu, keluarga dan masyarakat untuk memastikan kita jaga kita, kita jaga keluarga kita dan kita jaga masyarakat. Ini adalah tanggungjawab bersama, bukan hanya di pihak kesihatan dan kerajaan, tetapi setiap individu dan keluarga perlu mengambil iktibar dan menjaga diri sendiri.

Semoga Aidilfitri kali ini menjadi raya yang paling bersejarah dan diingati oleh semua.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 3/2020

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 3/2020 bertarikh 30 April 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.

4.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 3/2020

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat (Dalam Talian) Bil.3/2020 bertarikh 5 Mei 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan (Dalam Talian) Bil. 4/2020 bertarikh 12 Mei 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan beberapa cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	Hal-hal Lain	<p>Pendirian peribadi Encik Keshminder Singh memohon MPSJ mengkaji dan menyediakan lokasi baharu yang bersesuaian kepada peniaga gerai haram yang diroboh di kawasan Bandar Kinrara 1.</p> <p>Maklum balas / Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta dikaji lokasi yang bersesuaian untuk dijadikan tapak penjaja.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan Pelesenan</p>

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang
Jaya Bil.8/2020 bertarikh 13 Mei 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan beberapa cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.3 & m/s 10	Encik Koh Eng Kee	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Asthetik KL South Sdn.Bhd (MPSJ.JPB.BP 7.600-1/8/22)	Beliau memohon agar MPSJ memuat naik semua Garis Panduan terkini berkaitan permohonan secara dalam talian (<i>online</i>) di dalam portal MPSJ bagi memudahkan pelanggan mengetahui garis panduan terkini. Maklum balas / Keputusan Mesyuarat : Puan Yang Dipertua memaklumkan semua Garis Panduan telah dimuat naik di dalam portal MPSJ.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Sistem <i>alert</i> akan diletakkan terhadap garis panduan yang terkini dimuat naik bagi memudahkan pelanggan mengenalpasti maklumat terkini.</p> <p>Tindakan : Jabatan OSC</p>

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.4/2020 bertarikh 14 Mei 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan beberapa cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.0 & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Laporan perbelanjaan dan kutipan sehingga bulan April 2020	Beliau dimaklumkan bahawa anggaran pendapatan hasil MPSJ bagi tahun 2020 akan berkurangan sebanyak RM 90 juta. Beliau

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>mencadangkan agar satu Mesyuarat Khas Bajet diadakan bagi membincangkan tentang perkara ini.</p> <p>Maklum balas / Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Puan Yang Dipertua bersetuju agar satu Mesyuarat Khas Bajet dilaksanakan bersama Ahli Majlis bagi membincangkan isu pengurangan hasil MPSJ 2020. Beliau memaklumkan bahawa Pihak Pengurusan akan mengadakan Mesyuarat Perancangan Strategik bersama Ketua Jabatan pada 1 Jun 2020 bagi membincangkan tentang</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>peruntukan bajet tahunan setiap Jabatan. Hasil mesyuarat ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Bajet bersama Ahli Majlis untuk dibincangkan dengan lebih lanjut.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Perbendaharaan</p>
2.	-	Encik Yap Kok Weng	Hal-hal Lain	<p>Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya mengusulkan Bantuan Khas Kewangan berjumlah RM 1,000.00 dibayar kepada Ahli Majlis dan semua kakitangan MPSJ gred 56 ke bawah dibayar pada 9 Jun 2020. Beliau juga mencadangkan bantuan khas kewangan juga turut dibayar kepada PA Ahli Majlis sebanyak RM300.00.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Maklum balas / Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat sebulat suara bersetuju Bantuan Khas Kewangan berjumlah RM1,000.00 dibayar kepada Ahli Majlis dan semua kakitangan MPSJ gred 56 ke bawah dibayar pada 9 Jun 2020.</p> <p>Manakala Bantuan Khas Kewangan kepada PA Ahli Majlis sebanyak RM300.00 seorang akan diberi menggunakan peruntukan pengurusan JKP.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perbendaharaan / Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

6.1 A. Kertas Makluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor Bil.1/2020 bertarikh 29 Januari 2020 bagi Permohonan Kelulusan Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian) dan Pewartaan Jilid 1 Penyataan Bertulis dan Peta Cadangan Serta Jilid 2 Kawalan Pembangunan DRTSJ2035 (Penggantian) dengan Mengambil kira Syor Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) Mengikut Peruntukan di Bawah Subseksyen 15 (1a), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

B. Permohonan Pertimbangan Pindaan ke atas 4.0 Kelas Kegunaan Tanah-Klasifikasi Perubahan Material Bangunan, Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian) (Kertas Mesyuarat Bil.7/4/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan dibentangkan oleh Pengarah Perancangan Bandar.

Maklum balas / Keputusan Mesyuarat :

Setelah mengambil maklum keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2020 bertarikh 29 Januari 2020, mesyuarat telah menimbang dan bersetuju mengekalkan

pernyataan bertulis di para 3.0 Penukaran Densiti Kepada Nisbah Plot, Jilid 2 Kawalan Pembangunan, Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian).

Mesyuarat juga bersetuju dengan permohonan pindaan Jadual 4.14 : Klasifikasi Perubahan Material Bangunan di para 4.0 Kelas Kegunaan Tanah – Klasifikasi Perubahan Material Bangunan, Jilid 2 Kawalan Pembangunan, Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian) bagi aktiviti penambahan Pusat Penjagaan Ibu dan Bayi , seperti berikut:

Jadual 4.14 : Klasifikasi Perubahan Material Bangunan

GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI / GUNA TANAH SOKONGAN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT	SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN
A – Perumahan		
<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Sesebuah • Rumah Berkembar • Rumah Teres • Rumah Bandar 	<ul style="list-style-type: none"> • Tadika • Taska • Pusat Jagaan Harian • Program Pendidikan Di Bawah Pertubuhan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hanya dibenarkan di rumah sesebuah, berkembar dan lot pepenjuru rumah teres sahaja. 2. Mendapat sokongan pemunya lot berjiran 3. Tidak menimbulkan

GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI / GUNA TANAH SOKONGAN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT	SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Jagaan Warga Emas • Rumah Anak Yatim • Pusat Jagaan Orang Kurang Upaya • Rumah Kebajikan • Pusat Penjagaan Ibu dan Bayi 	<p>pencemaran dan kacau ganggu.</p> <p>4. Tertakluk kepada kesesuaian tapak (lokasi, saiz bangunan dan laluan keluar masuk).</p> <p>5. Tertakluk kepada Garis panduan Penubuhan Tadika Dan Taska.</p> <p>6. Tertakluk kepada mana-mana garis panduan perancangan yang berkaitan.</p>
Rumah Pangsa	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Penjagaan Ibu dan Bayi 	<p>1. Unit yang terletak di tingkat 1 hingga 5 sahaja atau tidak melebihi ketinggian bangunan 18.5 meter.</p>

GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI / GUNA TANAH SOKONGAN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT	SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN
		<p>2. Unit yang digunakan hendaklah keseluruhan unit-unit di tingkat yang sama.</p> <p>3. Mendapat sokongan pemegang unit syer dan JMB/MC.</p> <p>4. Tertakluk kepada mana-mana garis panduan perancangan yang berkaitan.</p>
B - Komersil		
Kedai Pejabat / Rumah Kedai	<ul style="list-style-type: none"> • Tadika • Taska • Kolej • Program Pendidikan Di Bawah Pertubuhan • Pusat Tuisyen 	<p>1. Kebenaran Merancang diperlukan bagi premis yang melebihi dua (2) unit.</p> <p>2. Taska :</p> <p>i. Tingkat satu (1) sahaja (aras</p>

GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI / GUNA TANAH SOKONGAN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT	SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Latihan Kemahiran Dan Kesenian • Pusat Jagaan Warga Emas Swasta • Rumah Anak Yatim Swasta • Rumah Kebajikan • Pusat Jagaan Orang Kurang Upaya Swasta • Hospital • Hotel • Pusat Latihan Renang • Asrama Pelajar * • Asrama Pekerja * • Rumah Ibadat * • Pusat Penjagaan Ibu dan Bayi 	<p>tanah)</p> <p>ii. Lot pepenjurulot tepi.</p> <p>iii. Aktiviti lot berjiran tidak menimbulkan kacau ganggu (bengkel kenderaan, pusat hiburan)</p> <p>iv. Sediakan ruang permainan yang mencukupi mengikut garis panduan.</p> <p>Nota : (*)</p> <p>i. Perlu mengemukakan Kebenaran Merancang walaupun satu (1) unit.</p>

GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI / GUNA TANAH SOKONGAN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT	SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN
		ii. Mendapat sokongan pemunya lot berjiran
<ul style="list-style-type: none"> • Pangsapuri Perkhidmatan Komersil • SOHO 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Penjagaan Ibu dan Bayi 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Unit yang terletak di tingkat 1 hingga 5 sahaja atau tidak melebihi ketinggian bangunan 18.5 meter. 2. Unit yang digunakan hendaklah keseluruhan unit-unit di tingkat yang sama. 3. Mendapat sokongan pemegang unit syer dan JMB/MC. 4. Tertakluk kepada mana-mana garis panduan perancangan yang berkaitan.
Bangunan Pejabat	<ul style="list-style-type: none"> • Universiti • Kolej 	1. Menggunakan keseluruhan ruang

GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI / GUNA TANAH SOKONGAN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT	SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Swasta Rendah dan Menengah 	lantai bangunan pejabat di tingkat berkenaan.
Komplek Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Universiti • Kolej • Sekolah Swasta Rendah dan Menengah • Hospital • Hotel 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendapat sokongan pemegang unit syer dan JMB/MC. 2. Penyediaan kemudahan mencukupi.
C - Industri		
<ul style="list-style-type: none"> • Sesebuah • Berkembar • Teres 	<ul style="list-style-type: none"> • Restoran • Pejabat • Pusat Latihan Industri • Pusat Memancing • Gimnasium • Pusat Sukan • Pusat Latihan Renang 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Aktiviti lot berjiran hendaklah bukan bengkel kenderaan, premis pemprosesan bahan kimia, kimpalan, premis barang lusuh / kitar semula. 2. Tidak menimbulkan pencemaran dan

GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI / GUNA TANAH SOKONGAN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT	SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pameran Dan Jualan • Perniagaan Borong • Perniagaan Runcit dan Perkhidmatan • Dewan Perkahwinan / Jamuan • Rumah Ibadat 	<p>kacau ganggu.</p> <p>3. Mendapat sokongan pemunya lot berjiran.</p> <p>4. Menggunakan keseluruhan ruang lantai kilang bagi tujuan pejabat.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Bangunan Tempat Letak Kereta Swasta 	<ul style="list-style-type: none"> • Depoh Simpanan Kenderaan • Pusat Pameran Dan Jualan • Gelanggang Futsal • Gelanggang Badminton • Gelanggang Tenis dan Skuash 	<p>1. Aktiviti lot berjiran hendaklah bersesuaian dan selamat.</p>

GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI / GUNA TANAH SOKONGAN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT	SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN
	<ul style="list-style-type: none">• Dewan Perkahwinan / Jamuan	

Nota :

- *Pusat penjagaan ibu dan bayi adalah tempat menyediakan perkhidmatan penjagaan 24 jam kepada ibu selepas bersalin dan bayi berumur 1 hari hingga 100 hari.
- *Tertakluk kepada mana-mana garis panduan perancangan yang berkaitan.

Tindakan : Jabatan Perancang Bandar

6.2 Cadangan Pindaan Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Perbandaran Subang Jaya) (Pindaan) 2020 (Kertas Mesyuarat Bil.8/4/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Undang-Undang dan dibentangkan oleh Pengarah Jabatan Undang-Undang.

Maklum balas / Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** Cadangan Pindaan Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis

Perbandaran Subang Jaya) (Pindaan) 2020 dengan cadangan pindaan seperti yang berikut:

Bil	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Keberadaan / penglibatan ahli mesyuarat semasa mesyuarat berlangsung	Beliau mencadangkan supaya dimasukkan perkara berkaitan keberadaan / penglibatan ahli mesyuarat sepanjang mesyuarat berlangsung. Maklum balas : Puan Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan tersebut dan pindaan akan dibuat terhadap Perintah 8 (Kuorum). Tindakan : Jabatan Undang-Undang

6.3 Penjenamaan Semula Nama Jawatankuasa Penduduk (JKP) Sempena Pengiktirafan MPSJ ke Arah Bandaraya Pada Tahun 2020 (Kertas Mesyuarat Bil.9/4/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat dan dibentangkan oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Maklum balas / Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** cadangan Penjenamaan Semula Nama Jawatankuasa Penduduk (JKP) Sempena Pengiktirafan MPSJ ke arah Bandaraya pada tahun 2020. Pemilihan logo akan ditentukan berdasarkan undian Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

7.0 HAL-HAL LAIN / USUL

7.1 Cadangan Mewujudkan Pasar Basah dan Pasar Kering

Encik Yap Kok Weng memaklumkan bahawa pasar pagi dan pasar malam tidak menjalankan perniagaan. Beliau mencadangkan agar MPSJ mewujudkan pasar basah dan pasar kering bagi membantu meringankan beban peniaga.

Maklum balas / Keputusan Mesyuarat :

Puan Yang Dipertua meminta satu mesyuarat diadakan bagi membincangkan cadangan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

7.2 Usul Pemberian Bantuan Khas Kewangan Kepada Yang Dipertua MPSJ

Encik Yap Kok Weng mengusulkan agar Bantuan Khas Kewangan bernilai RM 1,000.00 turut diberikan kepada Yang Dipertua MPSJ kerana tugasnya yang memangku 2 kawasan Ahli Majlis Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Maklum balas / Keputusan Mesyuarat :

Ahli Mesyuarat Penuh MPSJ sebulat suara bersetuju agar pembayaran Bantuan Khas Kewangan bernilai RM 1,000.00 dibayar kepada Yang Dipertua MPSJ menggunakan kapasiti Yang Dipertua sebagai Ahli Majlis MPSJ.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

8.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 22 Mei 2020

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR DI PEJABAT

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran Mesyuarat | - | Setiausaha |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | Ahli Majlis |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 7. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |
| 8. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 9. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 10. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |

HADIR – ONLINE DI KEDIAMAN MASING-MASING

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 11. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |
| 12. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

13.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
14.	Encik Tai Cheng Heng	-	"
15.	Encik Thamilarasu Sandayan	-	"
16.	Encik Wong Yii Seang	-	"
17.	Encik Lee Jen Uyin	-	"
18.	Puan Ng Seow Chen	-	"
19.	Encik Koh Eng Kee	-	"
20.	Encik Thong Kim Fatt	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ) – ONLINE DI KEDIAMAN MASING-MASING

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Tpr. Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

6. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
11. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
14. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
15. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
16. Sr Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB

17. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
18. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Mohd Fitri bin Jamaludin - Ahli Majlis
2. Puan Sharmazira binti Md Sharif - "
3. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan